

Praktis Topikal 1

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab semua soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling tepat.

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian sejarah.

Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat dan tambo.

Pengertian sejarah tersebut adalah dalam


- A bahasa Inggeris
B bahasa Melayu
C bahasa Yunani
D Kamus Dewan
- 2 Antara berikut, yang manakah merupakan pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan, Muhd Yusof Ibrahim?
- I Merupakan masa lalu itu sendiri
II Merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku
III Membicarakan perkara tentang masyarakat manusia
IV Catatan rekod sesuatu peristiwa yang berlaku suatu masa dahulu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Dalam bahasa Melayu, istilah sejarah berasal daripada perkataan Arab, syajaratun yang bererti pokok. Sejarah juga dikaitkan dengan
- I cerita
II riwayat
III asal usul
IV penyelidikan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan.

Penceritaan tentang tindakan manusia yang penting dan mengagumkan serta sebab berlakunya sesuatu peristiwa.

Siapakah tokoh sejarawan tersebut?

- A E. H. Carr
B Herodotus
C Ibn Khaldun
D Khoo Kay Kim

- 5 Rajah berikut menunjukkan garis masa dalam sejarah.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Dekad	Abad
B	Abad	Dekad
C	Dekad	Alaf
D	Abad	Alaf

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan ruang dalam sejarah.

Ruang dalam sejarah yang luas mendorong sejarawan membahagikan penulisan mereka kepada tema tertentu, seperti politik, ekonomi dan sosial.

Mengapakah sejarawan bertindak membahagikan penulisan mereka?

- A Maklumat lebih tersusun
B Memudahkan penyelidikan
C Memudahkan penyimpanan
D Mengelakkan kecikiran maklumat
- 7 Pilih pernyataan yang **benar** tentang sumber primer.
- I Merupakan sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan
II Merupakan bahan yang belum diolah atau diterbitkan
III Merupakan sumber asli yang telah dicetak dan diterbitkan
IV Merupakan jurnal yang diterbitkan tanpa mengubah keasliannya
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 8 Pilih padanan yang benar tentang sumber primer dan sumber sekunder.

	Sumber primer	Sumber sekunder
A	Jurnal	Batu bersurat
B	Majalah	Diari
C	Artifak	Akhbar
D	Buku	Ensiklopedia

- 9 Anda ditugaskan untuk mengkaji tentang sejarah tamadun Melayu.

Apakah sumber primer yang perlu anda rujuk?

- A Ensiklopedia
B Manuskrip
C Akhbar
D Jurnal

- 10 Apakah kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah?

- I Kaedah lisan
II Kaedah bertulis
III Kaedah membaca
IV Kaedah bual bicara

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 11 Kaedah lisan terdiri daripada tiga tahap. Apakah yang perlu dilakukan pada tahap pertama?

- A Menyakinkan tokoh
B Menentukan tokoh
C Meneliti sumber bertulis
D Menilai fakta dengan sumber bertulis

- 12 Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah arkeologi?

- A Mencari maklumat sejarah daripada bahan lisan
B Mencari maklumat sejarah daripada bahan bertulis
C Mencari maklumat sejarah daripada bahan tinggalan sejarah
D Mencari maklumat sejarah daripada buku-buku di perpustakaan

- 13 Apakah bahan tinggalan sejarah yang ditemukan melalui kaedah ekskavasi?

- I Jurnal
II Binaan batu
III Bahan logam
IV Dokumen rasmi

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Susun kerja-kerja di makmal arkeologi mengikut urutan yang betul.

- I Pembersihan
II Pengkatalogan
III Penganalisan
IV Pemunggaan dan pengisian

- A III, I, IV, II
B II, I, IV, III
C I, II, III, IV
D IV, I, II, III

- 15 Apakah yang menyebabkan wujudnya perbezaan tafsiran dalam sejarah antara sejarawan?

- I Perbezaan ideologi
II Menganalisis pandangan
III Perbezaan tema penulisan
IV Pemilihan sumber yang pelbagai

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16 Dialog berikut berkaitan dengan tafsiran dalam sejarah.

Sejarawan A: Tok Janggut adalah pemberontak kerana menentang British.
Sejarawan B: Tok Janggut bangkit menentang peraturan cukai British.

Berdasarkan dialog tersebut, mengapakah wujud perbezaan tafsiran dalam sejarah?

- A Tujuan penulisan
B Sumber yang terhad
C Membuktikan kehebatan
D Perbezaan gaya pemikiran

- 17 Apakah kepentingan mempelajari sejarah?

- A Membina keyakinan diri
B Menyemai semangat kenegerian
C Membangunkan negara dan bangsa
D Mewujudkan rasa cinta antara ahli keluarga